

Elemen Budaya dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu untuk Pelajar Antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

Jamilah Bebe Mohamad^{1*}

¹Centre for Modern Languages, Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah

*Penulis Penghubung: jamilahbebe@umpsa.edu.my

Pengenalan

Bahasa Melayu menjadi kursus wajib yang perlu dipelajari dan lulus dalam kalangan pelajar antarabangsa yang mengikuti pengajian di universiti-universiti negara ini. Kursus Bahasa Melayu juga ditawarkan kepada pelajar antarabangsa di Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) dan dikenali sebagai (UHF 2192) Bahasa Melayu Komunikasi. Pengajaran dan pembelajaran kursus UHF 2192 berlangsung selama 14 minggu, dengan empat jam setiap minggu di dalam kelas, sama seperti kebanyakan kursus bahasa lain. Kursus ini boleh diikuti oleh pelajar antarabangsa mengikut kesesuaian jadual waktu mereka pada mana-mana semester yang mereka pilih, dan perlu diselesaikan sebelum graduasi. Kursus ini melibatkan keempat-empat komponen kemahiran pembelajaran bahasa, iaitu kemahiran mendengar, membaca, menulis, dan bertutur. Selain itu, para pelajar juga didedahkan dengan elemen budaya masyarakat Melayu ketika mengikuti kursus ini.



Rajah 1. Pelajar antarabangsa UMPSA dari pelbagai negara.

Hal ini demikian kerana menurut Zulfifley (1994), pembelajaran bahasa Melayu yang lengkap bukan hanya tertumpu pada pengajaran aspek linguistik tetapi turut merangkumi aspek sosial dan budaya yang melatari bahasa Melayu. Manakala Mumu (2017), menyatakan bahawa adalah mustahil untuk mempelajari bahasa dan menguasai

sesuatu bahasa tanpa mempelajari budaya kerana makna sesuatu ungkapan atau elemen lazimnya bergantung kepada elemen budaya sesuatu bahasa. Seterusnya Salim (2017), menegaskan bahawa kejayaan pembelajaran bahasa memerlukan seorang pelajar untuk mempelajari dan mengetahui budaya yang melatari bahasa yang dipelajarinya. Selaras dengan pandangan ini pembelajaran bahasa Melayu dalam kalangan pelajar antarabangsa di UMPSA cuba menerapkan elemen budaya dalam pembelajaran kursus ini. Elemen kebudayaan ini diajarkan ada yang yang selaras dengan topik-topik pembelajaran yang mereka perlu belajar. Terdapat tiga aktiviti yang melibatkan elemen budaya diterapkan ketika proses pembelajaran kursus bahasa Melayu, iaitu mengenakan pakaian tradisional, mencuba makanan masyarakat Melayu, dan bermain permainan tradisional kebudayaan masyarakat Melayu.

Pakaian Tradisional Masyarakat Melayu

Topik berkaitan pakaian merupakan salah satu topik penting yang harus dipelajari oleh para pelajar antarabangsa ketika mengikuti kursus bahasa Melayu. Selain mempelajari kosa kata berkaitan pakaian dan aksesori para pelajar ini akan didedahkan dengan aktiviti praktikal yang memberi mereka peluang mengenakan pakaian tradisional masyarakat Melayu. Aktiviti ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka, tetapi

juga memperkenalkan mereka kepada elemen budaya yang penting dalam masyarakat Melayu.

Salah satu aktiviti kebudayaan yang dilaksanakan turut memberikan peluang kepada para pelajar untuk mengenakan pakaian tradisional Melayu seperti baju Melayu, baju kurung, dan pakaian tradisional Melayu yang lain. Para pelajar lelaki mengenakan baju Melayu lengkap dengan sampung dan songkok, manakala pelajar perempuan pula mengenakan baju kurung dan baju kebaya ketika mengadakan persembahan bacaan puisi Bahasa Melayu. Aktiviti ini memberi peluang pelajar antarabangsa untuk mengalami sendiri keunikan mengenakan pakaian yang menjadi simbol identiti budaya Melayu.





Rajah 2. Pelajar UMP SA mempelajari dan mengenakan baju Melayu, samp ing dan songkok.

Sesetengah pelajar antarabangsa menyatakan bahawa ini merupakan kali pertama mereka mengenakan baju Melayu, baju kurung, atau baju kebaya, dan mereka merasa sangat teruja. Pengalaman ini memberi mereka peluang untuk lebih memahami dan menghargai warisan budaya Melayu. Hal ini demikian kerana kini mereka tidak hanya mempelajarinya kosa kata bahasa Melayu berkaitan pakaian tetapi juga berpeluang merasai cara hidup, tradisi, dan nilai-nilai masyarakat Melayu. Melalui pengalaman memakai pakaian tradisional ini, para pelajar antarabangsa bukan sahaja mempelajari aspek linguistik bahasa Melayu, tetapi juga lebih mendalami cara hidup masyarakat Melayu, serta membina hubungan yang lebih dekat dengan budaya Malaysia.

Makanan Tradisional Masyarakat Melayu

Makanan merupakan elemen penting dalam sesebuah masyarakat kerana setiap masyarakat mempunyai makanan yang istimewa dan unik. Ketika mempelajari kursus bahasa Melayu, para pelajar akan mempelajari topik berkaitan dengan urusan jual beli makanan dan minuman. Melalui topik ini, para pelajar antarabangsa tidak hanya belajar kosa kata dan struktur ayat dalam bahasa Melayu, tetapi juga berpeluang untuk menghayati budaya makanan Melayu yang kaya dan beraneka. Setelah mempelajari topik tersebut, para pelajar akan diperkenalkan dengan makanan tradisional Melayu dan dibawa berkunjung ke pasar malam yang diadakan setiap minggu di dalam kampus UMP SA. Aktiviti ini memberi peluang kepada pelajar untuk mempraktikkan komunikasi urusan jual beli yang mereka pelajari dalam situasi sebenar dan membina keyakinan diri mereka. Pelajar membeli membeli makanan tradisional Melayu pilihan selera mereka, seperti Nasi Lemak, Nasi Kerabu, dan Nasi Dagang.



berbincang tentang cara penyediaan makanan tersebut dalam bahasa Melayu.



Bagi pelajar antarabangsa, mencuba makanan tradisional Melayu seperti laksa, laksam, cendol, kuih loyang, serta buah-buahan tempatan seperti jambu, durian, pelam harum manis, cempedak, rambutan, dan langsung. Aktiviti ini ialah pengalaman yang tidak hanya menguji selera mereka, tetapi juga memberi mereka peluang untuk lebih mengenali dan memahami selera masyarakat Melayu. Kaedah pembelajaran ini adalah efektif untuk mempelajari bahasa melalui konteks budaya, iaitu pelajar dapat berinteraksi dengan penjual makanan, bertanya tentang bahan-bahan yang digunakan, dan

Selain itu roti canai dan teh tarik yang merupakan makanan sarapan pagi kegemaran dalam kalangan pelbagai kaum di Malaysia, juga menjadi sebahagian dari pengalaman budaya yang tidak boleh dilepaskan. Kebanyakan pelajar anatarabangsa menyatakan mereka menggemari roti canai dan teh tarik, kerana makanan tersebut bukan sahaja enak

tetapi turut mencerminkan budaya dan perpaduan masyarakat Malaysia yang pelbagai. Pembelajaran bahasa Melayu tidak terhad kepada teori sahaja, tetapi juga melibatkan penghayatan budaya melalui pengalaman seharian yang melibatkan interaksi sosial khususnya dalam aspek makanan.

Permainan Tradisional Masyarakat Melayu

Pengenalan kepada permainan tradisional masyarakat Melayu sebagai salah satu elemen budaya ketika mempelajari bahasa Melayu kepada para pelajar antarabangsa. Pengalaman ini memberikan peluang kepada mereka untuk memahami lebih mendalam tentang budaya dan tradisi masyarakat Melayu yang merupakan sebahagian daripada warisan negara ini. Permainan tradisional seperti Gasing, Wau, Congkak, dan Batu Seremban mempunyai kaitan yang erat dengan aspek pembelajaran bahasa Melayu dengan topik-topik yang telah mereka pelajari. Contohnya seperti permainan wau yang berwarna-warni membolehkan mereka mempraktikkan penggunaan kosa kata warna dan permainan batu seremban dan congkak membolehkan mereka mempraktikkan kosa kata berkaitan nombor. Permainan tradisional ini memberi pelajar peluang untuk mengulang dan menggunakan kosa kata yang telah mereka pelajari dalam situasi sebenar. Mereka dapat memperkukuh pemahaman tentang warna, nombor dan pengiraan

dalam bahasa Melayu sambil menikmati permainan yang menyeronokkan.



Rajah 3. Pelajar UMP SA dengan permainan Wau dan Congkak.

Selain itu, para pelajar dapat memahami beberapa kemahiran yang diperlukan dalam meneruskan permainan tradisional seperti kemahiran berfikir secara strategik, teknik-teknik mencapai kemenangan dan aspek kerjasama yang diperlukan dalam menamatkan setiap

permainan tradisional ini. Para pelajar antarabangsa juga boleh memperkukuh pemahaman tentang elemen budaya, seperti seni kraf, pengiraan, dan nilai-nilai sosial dalam masyarakat Melayu. Melalui cara ini proses pembelajaran bahasa Melayu menjadi lebih menarik dan tidak hanya terhad di dalam kelas semata-mata. Terdapat juga beberapa pelajar antarabangsa memaklumkan bahawa terdapat permainan tradisional masyarakat Melayu yang hampir sama dengan permainan tradisional di negara mereka.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, elemen budaya seperti pakaian, makanan dan permainan tradisional masyarakat Melayu merupakan salah satu aspek dalam pembelajaran bahasa Melayu untuk para pelajar antarabangsa. Pengalaman pembelajaran yang meliputi elemen budaya Melayu membantu penguasaan kosa kata dan komunikasi harian mereka. Ketiga-tiga elemen ini menjadikan proses pembelajaran para pelajar antarabangsa menjadi lebih menarik dan membina memori indah ketika belajar bahasa Melayu. Pengalaman yang pelajar antarabangsa alami ketika mempelajari sesuatu bahasa akan menjadikan mereka lebih mudah ingat tentang sesuatu kosa kata. Selain itu, pembelajaran bahasa yang melibatkan elemen budaya turut mendedahkan etika dan cara pergaulan yang betul dalam masyarakat Melayu. Melalui cara ini, para pelajar antarabangsa

bukan sahaja dapat mempelajari bahasa Melayu malah turut merasai pengalaman budaya Melayu.

Rujukan

- Agus Tricahyo, H. MA (2012). *Sosiolinguistik: Kajian Budaya dalam Analisis Bahasa.*, Penerbit: CV. Nata Karya. Jl. Pramuka 139 Ponorogo Indonesia.
- Mumu, E. L. (2017). *An exploration of teachers' beliefs on the Integration of culture in teaching English as a foreign language in junior high schools in Minahasa Indonesia [Unpublished Ph.D. dissertation].* Murdoch University.
- Salim (2017). *Teaching Language and Teaching Culture dalam 8th International Visible Conference on Educational Studies & Applied Linguistics 2017.* Salahaddin University, Erbil-Iraq
- Zulkifley Hamid (1994). *Pembelajaran dan Pengajaran Bahasa Dewan Bahasa dan Pustaka.* Kuala Lumpur.